

## **Kos Sara Hidup Mahasiswa: Kajian Kes Di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris**

*Cost of Living for Students: A Case Study at the Faculty of Human Sciences, Sultan Idris  
Education University*

Siti Norashikin binti Abdul Latif & Nurzaimah binti Asaal\*  
Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia  
\*email: nurzaimah@fsk.upsi.edu.my

**Published:** 17 December 2024

**To cite this article (APA):** Abdul Latif, S. N., & Asaal, N. (2024). Cost of Living for Students: A Case Study at the Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(2), 137–149. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.12.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.12.2024>

### **Abstrak**

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan sangat mencabar ini, mahasiswa juga merupakan salah satu golongan yang terjejas. Peningkatan kos sara hidup dalam kalangan mahasiswa menjadikan mahasiswa bukan sahaja berhadapan isu pembelajaran semata-mata, sebaliknya turut membimbangkan kos harian bagi meneruskan pengajian di peringkat tinggi. Justeru, satu kajian telah dilaksanakan melibatkan mahasiswa di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk mengenal pasti sumber kewangan dan bentuk perbelanjaan mahasiswa serta mengkaji kesan kos sara hidup terhadap akademik mahasiswa. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui pengedaran link google form. Responden kajian ini melibatkan seramai 312 orang mahasiswa yang berstatus aktif di Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. Analisis data menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 28.0 iaitu frekuensi dan analisis. Berdasarkan penemuan kajian menunjukkan majoriti mahasiswa mempunyai sumber kewangan daripada pinjaman pendidikan dan bentuk perbelanjaan kebanyakan hanya digunakan untuk makanan, penginapan, pengangkutan dan yuran pengajian. Kajian ini juga mendapati kesan kos sara hidup adalah minima terhadap akademik mahasiswa. Keadaan ini menunjukkan mahasiswa sememangnya memerlukan kos yang tinggi untuk menyambung pelajar, namun, dengan mengurus perbelanjaan dengan bijak akan mengurangkan kesan kos sara hidup terhadap akademik mahasiswa.

**Kata kunci:** Kos Sara Hidup; Mahasiswa; Kesan Kos Sara Hidup; Pengaruh Akademik; Institut Pengajian Tinggi

### **Abstract**

*In the current uncertain and highly challenging economic climate, students are among the groups that are most affected. The rising cost of living among students not only presents challenges in their academic pursuits but also raises concerns about their daily expenses necessary to continue their studies at the higher education level. Therefore, a study was conducted involving students from the Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University (UPSI), to identify the sources of financial support and spending patterns of students, as well as to examine the impact of the cost of living on students' academic performance. This study employed a quantitative method through the distribution of a Google Form link. The study respondents consisted of 312 active students from the Faculty of Human Sciences, UPSI. Data analysis was performed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 28.0, including frequency and descriptive analysis. The findings revealed that the majority of students rely on educational loans as their financial source, and most of their expenses are allocated towards food, accommodation, transportation and tuition fees. The study also found that the impact of the cost of living on academic performance was minimal. These findings indicate that while students indeed require a*

*substantial amount of financial resources to continue their studies, managing their expenses wisely can reduce the negative impact of living costs on their academic performance.*

**Keywords:** *Cost of Living; Students; Impact of Living Costs; Academic Influence; Higher Education Institutions*

## PENGENALAN

Kos sara hidup yang tidak menentu kini amat membimbangkan kepada setiap golongan masyarakat terutama pelajar memandangkan mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap setiap bulan. Hal ini menyebabkan wang yang diperolehi tidak mencukupi bagi menampung keperluan asas pelajar selain daripada keperluan pembelajaran seperti menyewa rumah atau kolej, makan dan minum, pengangkutan dan sebagainya. Menurut Julizah (2014), kos sara hidup dan taraf hidup saling berkaitan antara satu sama lain. Menurutnya lagi, kos pendidikan juga merupakan salah satu perbelanjaan yang besar selain kos makanan dan perumahan. Pandangan ini sama dalam kajian oleh Nor Mohd Syamsi et al. (2024) yang menyatakan, mahasiswa yang ingin menyambung pelajaran perlu bersedia dengan kos perbelanjaan yang makin meningkat. Walau bagaimanapun, kos pendidikan semasa tempoh sekolah dan pengajian tinggi mempunyai perbezaan yang sangat ketara (Siti Alida & Halimah, 2007). Keperluan pelajar universiti semakin meningkat, contohnya komputer riba atau komputer meja telah menjadi barang wajib bagi pelajar universiti untuk bersiap sedia untuk pelbagai tugas (Shahryar & Tan, 2013).

Menurut Shahryar dan Tan (2013) pula, yuran kepada pelajar-pelajar kolej di Taylor Universiti telah meningkat dengan pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Yuran untuk kelas tambahan, yuran pengajian, dan buku saintifik telah meningkat sebanyak 5 hingga 10 peratus setahun. Keadaan ini kita boleh lihat bahawa peningkatan kos sara hidup pelajar meningkat secara langsung ekoran daripada peningkatan yuran dan sebagainya. Perbelanjaan pelajar di institut pengajian tinggi (IPT) boleh dibahagikan kepada dua iaitu yuran pengajian dan perbelanjaan harian. Walau bagaimanapun, yuran pengajian biasanya sudah ditetapkan oleh pihak universiti dan pelajar sudah sedia maklum tentang jumlah yang perlu dibayar sepanjang tempoh pengajian sebelum melanjutkan pelajaran. Manakala perbelanjaan harian adalah jumlah yang tidak tetap dan bergantung sepenuhnya kepada pelajar untuk menguruskannya (Siti Alida & Halimah, 2007). Kos sara hidup termasuk kos makanan, tempat tinggal, pakaian dan keperluan asas lain (Julizah, 2014), manakala kos sampingan yang lain pula terdiri daripada yuran pengajian, buku teks, dan penggunaan kemudahan di IPT. Berdasarkan isu-isu ini, satu kajian telah dilaksanakan bagi mengetahui sumber kewangan dan bentuk perbelanjaan pelajar serta kesannya terhadap kos sara hidup.

Pengetahuan kewangan atau literasi kewangan adalah penting untuk mengelakkan masyarakat daripada menanggung beban hutang yang melampau termasuklah golongan mahasiswa. Malah, aktiviti kewangan sangat dipengaruhi oleh pengetahuan kewangan (Dana & Low, 2020). Azmi et al. (2020) dan Rozita et al. (2022) juga mendapati bahawa pengetahuan kewangan mempengaruhi amalan pengurusan kewangan pelajar. Jika diperhalusi, pengurusan kewangan sangat penting dalam kehidupan setiap individu, bukan sahaja untuk pelajar semata-mata. Demi kelangsungan hidup untuk masa kini dan juga masa akan datang perlu diambil kira supaya kita bijak menguruskan kewangan secara terperinci. Justeru, berdasarkan senario ini satu kajian perlu dilaksanakan bagi melihat aspek kos sara hidup mahasiswa.

## SOROTAN LITERATUR

### Definisi Kos Sara Hidup dan Bentuk Perbelanjaan Mahasiswa

Menyoroti kajian lepas yang berkaitan dengan kos sara hidup mahasiswa, secara keseluruhannya kebanyakan kajian dan penulisan kos sara hidup ini tidak lari daripada membincangkan kos sara hidup, sumber kewangan, bentuk perbelanjaan dan tekanan kos sara hidup. Walaupun terdapat perbezaan dari segi persekitaran tempat dan metodologi kajian, terdapat kajian yang mempunyai persamaan dari segi kajian atau kaedah penyelidikan yang dijalankan.

Kos sara hidup merujuk kepada jumlah wang yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal, bagi mencapai taraf hidup tertentu, seperti yang didefinisikan dalam Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2007). Taraf hidup, sebaliknya, mengukur perbandingan antara pendapatan boleh belanja yang diterima dengan kos sara hidup. Sekiranya pendapatan yang diterima adalah lebih rendah daripada kos sara hidup, maka taraf hidup dikategorikan sebagai merosot. Sebaliknya, jika pendapatan melebihi kos sara hidup, taraf hidup dianggap meningkat. Matlamat negara untuk mencapai kemajuan dan pembangunan ekonomi yang pesat bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat kepada keadaan yang lebih selesa dan sejahtera. Walau bagaimanapun, peningkatan kos sara hidup yang dikaitkan dengan pembangunan ini boleh membebankan rakyat dalam menguruskan perbelanjaan harian mereka.

Sumber kewangan merujuk kepada wang yang diterima oleh pelajar untuk menyokong kehidupan mereka semasa berada di universiti. Antara sumber kewangan pelajar adalah seperti biasiswa, pinjaman, dan pemberian daripada ibu bapa (Nur Hayati, 2007). Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mendapatkan pinjaman pendidikan dan ianya menjadi sumber kewangan yang utama sepanjang tempoh pengajian (Sarah, 2015; Aisyah & Wajeaha, 2016). Kajian Aisyah & Wajeaha (2016) melaporkan bahawa 43 peratus pelajar menggunakan pinjaman pendidikan PTPTN sebagai sumber kewangan utama mereka, 28 peratus pula adalah mereka yang memperoleh Biasiswa Penjawat Awam (JPA), 18 peratus adalah daripada sumber kewangan ibu bapa, dan baki 11 peratus adalah melalui yayasan negeri, zakat, dan pinjaman daripada kesatuan korporat. Kajian oleh Royal Bank of Scotland (2017) mendapati pinjaman pendidikan merupakan sumber kewangan paling utama dalam kalangan mahasiswa di Negara barat, seterusnya diikuti oleh wang perbelanjaan daripada keluarga. Oleh itu, kenaikan kos sara hidup secara langsung telah memberikan kesan terhadap pengurusan kewangan mahasiswa, keadaan ini juga menyebabkan mahasiswa berhadapan dengan cabaran seperti mencari pekerjaan sambilan, mengurangkan bajet makan dan memilih untuk mengambil makanan ringan sahaja.

Sebagai tambahan, ada kalanya sesetengah pelajar tidak mahu untuk membuat pinjaman pendidikan. Hal ini kerana ada yang tidak selesa dengan bebanan hutang terutama pada peringkat awal kehidupan mereka. Mereka mungkin lebih suka mencari pembiayaan alternatif atau menangguhkan pendidikan sehingga mereka boleh membayar kos itu sendiri. Selain itu, Sesetengah individu mungkin mempunyai sumber dana lain seperti simpanan keluarga, bantuan daripada ahli keluarga, atau biasiswa yang membolehkan mereka membayar perbelanjaan pendidikan tanpa perlu membuat pinjaman.

Bentuk perbelanjaan merujuk kepada cara individu mengagihkan dan menggunakan dana atau sumber pendapatan mereka. Secara umum, ia melibatkan cara wang digunakan untuk memenuhi keperluan atau mencapai matlamat tertentu. Dalam konteks mahasiswa, perbelanjaan mereka sering dipengaruhi oleh gaya hidup dan kemahuan mereka semasa berada di institusi pengajian tinggi. Kajian yang dilakukan terhadap mahasiswa Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang menunjukkan bahawa corak perbelanjaan berbeza mengikut jantina, semester, dan lokasi penginapan. Kajian tersebut turut mendapati perbezaan corak perbelanjaan antara lelaki dan wanita dalam aspek seperti pembelian telefon, perkhidmatan, barangan, dan perbelanjaan lain. Selain itu, pelajar dalam semester yang berbeza menunjukkan pola perbelanjaan yang berbeza. Lokasi penginapan juga mempengaruhi corak perbelanjaan, termasuk perbelanjaan dari segi bayaran sewa untuk tempat tinggal, kos harga makanan, keperluan kenderaan untuk pergi kuliah, utiliti, dan kesihatan (Noraihan, Hasmida & Syaiful Baharee, 2013).

Berdasarkan perbezaan corak perbelanjaan ini, ianya amat mempengaruhi pengurusan kewangan pelajar yang masih mengharapkan sokongan pinjaman dan biasiswa. Ketiadaan pendapatan tetap menyukarkan mahasiswa untuk membahagi kewangan mengikut keutamaan. Keadaan ini ada dinyatakan oleh Jusoh & Mohd Noor (1998) iaitu perbelanjaan pendidikan seseorang individu turut meningkat berikutan kos sara hidup meningkat dan keperluan gaya hidup yang lebih baik di Malaysia. Situasi ini menunjukkan, perbelanjaan untuk bahan pembelajaran seperti alat tulis dan buku teks turut meningkat, pelajar juga terpengaruh dengan kenaikan harga barang, terutama selepas pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada April 2015. Justeru, pengurusan kewangan merupakan aspek yang paling utama dititikberatkan dalam kalangan mahasiswa, berikutan cabaran hidup yang semakin meningkat (Yaacob, 2011; Aisyah Abdul-Rahman & Wajeaha Zulkifly, 2016).

Golongan belia ini dikatakan cenderung untuk membuat hutang yang tidak wajar demi memenuhi tuntutan gaya hidup materialistik dan membazir. Separuh daripada mereka juga terjebak dalam hutang pada usia muda kerana kos sara hidup yang tinggi dan sikap institusi kewangan yang memberi kredit secara tidak bertanggungjawab. Selain itu, mereka juga cuai dalam menguruskan kewangan terutamanya yang berkaitan dengan simpanan hari tua, insurans/takaful, persaraan, hutang dan kad kredit. Agak menghairankan, rata-rata belia yang muflis adalah eksekutif muda yang bekerja untuk mereka dan merupakan lulusan universiti. Mungkin golongan belia masih belum bersedia untuk berdikari dalam menguruskan hal kewangan peribadi dan keluarga kerana sebelum ini mereka dijaga oleh ibu bapa mereka. Menurut Md Hafizi (2013), pelajar tidak didedahkan dengan kemahiran dan pengetahuan mengurus pendapatan secara berkesan apabila bekerja nanti, sebaliknya hanya diberikan ilmu dan kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, pelajar juga tidak menyediakan diri (sebagai contoh, mempunyai sedikit simpanan) untuk menghadapi krisis kewangan dalam suasana kerja yang lebih mencabar apabila kos sara hidup meningkat selepas tamat pengajian (Rubayah Yakob, Hawati Janor & Nur Ain Khamis 2015).

### **Kesan Kos Sara Hidup Mahasiswa terhadap Akademik**

Keadaan ekonomi yang semakin mencabar pada masa kini memberikan tekanan signifikan kepada golongan pelajar, terutamanya berkaitan dengan kekurangan pendapatan dan pengurusan perbelanjaan sepanjang tempoh pengajian mereka. Hal ini menyebabkan beberapa pelajar menghadapi kesulitan kewangan yang serius, sehingga memaksa mereka untuk mengurangkan perbelanjaan pada makanan berkhasiat seperti pengambilan ayam, ikan, dan daging. Masalah kewangan ini sering kali berpunca daripada kekeliruan pelajar dalam membezakan antara keperluan dan kehendak, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan kewangan (Amy Dacyczyn, 2011). Sebagai respons terhadap kekurangan sumber kewangan, banyak pelajar terpaksa mencari pekerjaan sambilan, sama ada melalui perniagaan sendiri, bekerja di kedai, atau menjadi agen dropship. Walaupun pekerjaan sambilan ini dapat memberikan sumber pendapatan tambahan, pelajar sering berdepan dengan risiko keletihan yang mengganggu tumpuan mereka terhadap pembelajaran serta menyukarkan mereka untuk menyelesaikan tugas akademik dengan baik.

Menurut kajian oleh Noraznida Husin (2021) mengenai status kewangan dan tekanan dalam kalangan pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), pengurusan kewangan yang lemah dapat menyebabkan pelajar menghadapi tekanan dalam menjalani kehidupan harian mereka. Kajian tersebut mengenal pasti tiga kesan utama yang timbul akibat masalah kewangan: kesan terhadap prestasi akademik, kesan terhadap tekanan mental mahasiswa, dan kesan terhadap keperibadian mahasiswa. Selain itu, masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar turut boleh menyebabkan tekanan mental dan fizikal (Misra & Mckean, 2000). Tekanan yang dialami termasuk kurang tidur, sakit, kemurungan, rasa resah, dan kecenderungan untuk menyendiri (Redhwan et al., 2009). Selain itu, perbezaan tekanan mengikut jantina menunjukkan bahawa wanita cenderung mengalami tahap tekanan yang lebih tinggi berbanding lelaki, seperti yang dibuktikan oleh V. Sumathi dan K. Gunasundari (2016).

Kajian Miskan, N. H., & Fisol, I. I. M. (2021), mendapati beberapa faktor yang mempengaruhi pengurusan stres dalam kalangan pelajar, termasuk beban akademik, pengurusan masa, dan pengurusan kewangan. Kajian ini sejajar dengan penemuan Aisyah & Wajeeda (2016), yang menegaskan bahawa pengurusan kewangan adalah aspek kritikal untuk memastikan pelajar dapat menguruskan perbelanjaan mereka dengan efektif dan mengelakkan masalah kewangan. Mohd Asri (2017) juga mengesahkan bahawa isu kewangan boleh menjadi sumber utama tekanan bagi mahasiswa.

Kajian Mohd Zainal (2004) pula menunjukkan bahawa tahap sosioekonomi seseorang pelajar mempengaruhi motivasi dan pencapaian akademik mereka. Sumber kewangan yang terhad boleh menyebabkan pelajar merasa rendah diri, yang seterusnya menjejaskan sahsiah mereka dan

menyebabkan mereka cenderung untuk mengasingkan diri dari rakan-rakan. Keadaan ini boleh mengakibatkan penurunan dalam prestasi akademik kerana kurangnya interaksi sosial yang penting untuk pembelajaran (Norlaila et al., 2018). Masalah kewangan yang berterusan berpotensi untuk menyebabkan keletihan, kemurungan, dan tekanan mental yang berpanjangan kepada individu tersebut.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan pendekatan tinjauan melalui penyelidikan deskriptif (Noraini, 2010). Kajian tinjauan digunakan untuk mengumpulkan data berhubung dengan fenomena yang tidak dapat dilihat dan boleh diperhatikan secara langsung. Borang soal selidik digunakan sebagai satu instrumen dalam mendapatkan maklumat daripada sampel kajian. Soal selidik adalah pengumpulan data yang paling berkesan untuk mengetahui maklumat yang diperlukan dan mencapai objektif kajian (Sekaran, 2003).

### Populasi, Sampel, Kaedah Pensampelan dan Lokasi Kajian

Populasi yang dipilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar daripada Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Seramai 2,656 orang jumlah pelajar yang berstatus aktif di Fakulti Sains Kemanusiaan (Jadual 1). Seramai 312 orang pelajar daripada Fakulti Sains Kemanusiaan telah menjawab soal selidik yang diedarkan melalui penggunaan Google Form. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), jumlah responden adalah memadai berdasarkan jumlah keseluruhan responden. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), populasi seramai 2,000 ke atas memadai melibatkan responden tidak kurang dari 300 orang. Proses pemilihan sampel dalam kajian yang dilaksanakan adalah melalui teknik pensampelan rawak mudah. Kaedah rawak mudah dipilih oleh pengkaji adalah kerana jumlah bilangan populasi dalam kajian ini telah diketahui dan pengkaji telah melabelkan senarai subjek-subjek populasi. Pendekatan secara dalam talian telah dipilih adalah bertujuan untuk membolehkan responden menjawab soalan dengan mudah dan lebih sulit tanpa dilihat oleh pengkaji. Justeru, kajian ini dijalankan hanya melibatkan pelajar Sarjana Muda yang berstatus aktif di Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. Pemilihan lokasi kajian ini adalah memudahkan kajian ini lebih berfokus kepada kumpulan tertentu sahaja. Kajian ini tidak berhasrat untuk melibatkan semua mahasiswa di UPSI kerana akan melibatkan jumlah responden yang lebih besar.

**Jadual 1:** Jumlah Pelajar Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI

Jabatan	Jumlah
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan	365 Orang
Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat dengan Pendidikan	301 Orang
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi	499 Orang
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sejarah	548 Orang
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam	563 Orang
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Moral	380 Orang
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2656 Orang</b>

**Sumber:** Pejabat Fakulti Sains Kemanusiaan, 2023

### Kaedah Penganalisan Data

Penyelidik menggunakan aplikasi komputer dengan menggunakan pakej perisian IBM *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 28.0 untuk menganalisis data. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif agar mendapat hasil dapatan yang tepat serta menjawab kepada objektif kajian yang dijalankan. Analisis Statistik Deskriptif yang merangkumi peratusan, kekerapan,

skor min dan tahap interpretasi. Tahap interpretasi skor min dilihat adalah berdasarkan interpretasi skala Guttman (1944).

**Jadual 2:** Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.33	Tahap rendah
2.34 hingga 3.66	Tahap sederhana
3.67 hingga 5.00	Tahap tinggi

Sumber: Landell, 1977

## DAPATAN DAN ANALISIS

### Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah Maklumat Demografi Responden

Jadual 3 menunjukkan taburan demografi responden iaitu kekerapan dan peratus mengikut jantina. Dapatan kajian mendapati bahawa majoriti responden yang menjawab borang soal selidik adalah lelaki iaitu seramai 171 orang (54.8%) manakala responden perempuan adalah seramai 141 orang (45.2%) daripada jumlah keseluruhan sebanyak 312 orang (Jadual 3). Perbezaan yang dicatatkan antara lelaki dan perempuan sebanyak 30 orang (9.6%). Perbezaan ini adalah disebabkan oleh tiada sebarang ketetapan yang dibuat dalam proses pengumpulan data yang bersifat bebas.

**Jadual 3:** Maklumat Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	171	54.8%
Perempuan	141	45.2%
<b>Jumlah</b>	<b>312</b>	<b>100%</b>

Sumber: Kajian lapangan (2024)

Dari aspek maklumat umur responden, responden dalam kajian terdiri dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 29 tahun. Dapatan kajian berdasarkan Jadual 4 menunjukkan bahawa responden berumur 21 tahun hingga 23 tahun merupakan kategori umur yang paling tinggi terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 188 orang (60.3%) (Jadual 4). Seterusnya, kedua tertinggi adalah lingkungan umur 24 tahun hingga 26 tahun iaitu seramai 66 orang (21.2%) dan kategori umur antara 27 tahun hingga 29 tahun merupakan yang ketiga tertinggi iaitu seramai 41 orang (13.1%). Akhir sekali, umur 18 tahun hingga 20 tahun iaitu seramai 17 orang (5.4%). Kebanyakan yang mereka yang mengambil bahagian dalam kajian ini mereka yang berumur antara 21 tahun hingga 23 tahun. Mahasiswa adalah yang terdiri daripada anggaran umur antara 18 tahun sehingga 24 tahun di Malaysia. Dari segi anggaran umur yang terlibat dalam kajian ini kebanyakan mereka adalah berada di semester 3 dan 4 iaitu anggaran umur pelajar pada semester ini adalah antara 21 tahun hingga 23 tahun.

**Jadual 4:** Maklumat Umur Responden

Umur	Kekerapan	Peratus
18-20 Tahun	17	5.4 %
21-23 Tahun	188	60.3%
24-26 Tahun	66	21.2%
27-29 Tahun	41	13.1%
<b>Jumlah</b>	<b>312</b>	<b>100%</b>

Sumber: Kajian lapangan (2024)

Seterusnya, Jadual 5 menunjukkan taburan demografi responden iaitu kekerapan dan peratus mengikut bangsa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden majoriti berbangsa Melayu iaitu seramai 216 orang (69.2 %) (Jadual 5). Diikuti dengan bangsa India seramai 51 orang (16.3%), bangsa Cina iaitu 16 orang (5.1%), Bumiputera Sabah & Sarawak iaitu 21 orang (8.7%) dan akhir sekali lain-lain seramai 2 orang (0.6%). Perbezaan yang begitu signifikan antara bangsa Melayu dengan bangsa lain disebabkan oleh majoriti pelajar di Fakulti Sains Kemanusiaan ini adalah bangsa Melayu.

**Jadual 5:** Maklumat Bangsa Responden

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	216	69.2%
Cina	16	5.1%
India	51	16.3%
Bumiputera Sabah & Sarawak	21	8.7%
Lain-lain	2	0.6%
<b>Jumlah</b>	<b>312</b>	<b>100%</b>

Sumber: Kajian lapangan (2024)

Secara keseluruhannya, berdasarkan Jadual 6, sebanyak enam kursus atau program yang telah ditawarkan di Fakulti Sains Kemanusiaan, antaranya Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sejarah, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Moral, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan dan Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan.

**Jadual 6:** Maklumat Kursus yang diikuti

Kursus	Kekerapan	Peratus
ISMP Sejarah	4	1.3%
ISMP Geografi	57	18.3%
ISMP Pendidikan Islam	20	6.3%
ISMP Pendidikan Moral	50	16.0%
ISM Pengajian Malaysia dengan Pendidikan	167	53.5%
ISM Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan	14	4.5%
<b>Jumlah</b>	<b>312</b>	<b>100%</b>

Sumber: Kajian lapangan (2024)

Pengajian Malaysia dengan Pendidikan merupakan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 167 orang (53.5%) (Jadual 6). Manakala seramai 57 orang pelajar (18.3%) pula merupakan mereka yang mengikuti kursus ISMP Geografi dan responden yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Moral adalah seramai 50 orang (16.0%). Bagi pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dan Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan masing-masing seramai 20 orang (6.3%) dan 14 orang (4.5%) sahaja. Secara keseluruhannya, jumlah pelajar di Fakulti Sains Kemanusiaan adalah seramai 365 orang pelajar yang mengikuti program ISM Pengajian Malaysia dengan Pendidikan, 499 orang pelajar mengikuti program ISMP Geografi, 548 orang pelajar pula mengikuti ISMP Sejarah, 380 orang pelajar bagi mereka yang mengikuti ISMP Moral, 563 orang pelajar mengikuti program ISMP Pendidikan Islam dan seramai 301 orang pelajar adalah mereka yang mengikuti ISM Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan.

### Sumber Kewangan dan Bentuk Perbelanjaan Mahasiswa

Bahagian ini membincangkan penemuan kajian tentang sumber pendapatan pelajar, jenis, wang yang diterima dalam bulanan, bentuk perbelanjaan serta jenis kediaman.

Dari segi aspek sumber kewangan pelajar, ianya amat memberi impak terhadap perbelanjaan pelajar. Sumber kewangan yang terhad akan menentukan sama ada pelajar mampu mengurus perbelanjaan dengan baik atau sebaliknya. Berdasarkan Jadual 7, terdapat lima kategori sumber kewangan yang diklafikasikan iaitu daripada ibu bapa, bekerja sambilan, biasiswa pendidikan, pinjaman pendidikan dan juga zakat. Penemuan kajian menunjukkan seramai 99 orang (31.7%) responden adalah mereka yang memperoleh sumber pendapatan daripada pinjaman pendidikan (Jadual 7). Pelajar IPTA mahupun IPTS sememangnya memerlukan pinjaman pendidikan untuk meneruskan pengajian. Keadaan ini ada dinyatakan oleh Norlaila et al. (2019) dan Noraznida (2021) yang menunjukkan pelajar IPTA lebih ramai memlihi melakukan pinjaman pendidikan untuk melanjutkan pelajaran. Dalam konteks Malaysia, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merupakan salah satu institusi yang memudahkan pelajar melakukan pinjaman pendidikan. Selain itu, terdapat juga Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Dengan adanya pinjaman pendidikan yang disediakan, mahasiswa cenderung untuk menggunakan pinjaman kewangan untuk menyambung pelajaran di peringkat tinggi. Seterusnya, penemuan kajian juga menunjukkan seramai 83 orang (26.6%) responden memperoleh sumber pendapatan daripada ibu bapa diikuti dengan seramai 54 orang (17.3%) responden yang bekerja secara sambilan dan hanya 24 orang (7.7%) sahaja yang memperoleh bantuan zakat.

**Jadual 7:** Sumber Pendapatan Pelajar

Sumber Pendapatan Pelajar	Kekerapan	Peratusan
Ibu Bapa	83	26.6%
Bekerja Sambilan	54	17.3%
Biasiswa	24	7.7%
Pinjaman	99	31.7%
Zakat	52	16.7
<b>Jumlah</b>	<b>312</b>	<b>100%</b>

Sumber: Kajian lapangan (2024)

Seterusnya, Jadual 8 menunjukkan taburan responden mengikut jumlah wang yang diterima dalam tempoh sebulan oleh pelajar. Penemuan kajian menunjukkan kategori jumlah pendapatan antara RM100 – RM200 adalah paling tinggi iaitu seramai 82 orang (26.3%) (Jadual 8). Seterusnya, diikuti oleh RM300 – RM400 seramai 79 orang (25.3%) dan RM200 – RM300 seramai 66 orang (21.5%). Seterusnya adalah RM400- RM500 iaitu seramai 35 orang (11.2%) dan RM500 ke atas serama 32 orang (10.3%) serta diakhiri dengan RM0 – RM100 iaitu seramai 18 orang (5.8%). Berdasarkan penemuan ini majoriti pelajar menggunakan kewangan dalam tempoh sebulan antara RM100 hingga RM400. Azahari et al. (2018) ada menyatakan perbelanjaan pelajar dalam sebulan juga adalah anggaran RM200 ke atas untuk menampung perbelanjaan harian seperti makan sahaja. Menurutnya lagi, pelajar perlu berpengetahuan dan bijak menguruskan kewangan berdasarkan jumlah kewangan yang diperoleh dalam sebulan.

**Jadual 8:** Jumlah Wang yang diterima (Sebulan)

Wang yang Diterima	Kekerapan	Peratus
RM 0 – RM 100	18	5.8%
RM 100-RM 200	82	26.3%
RM 200- RM 300	66	21.5%
RM 300 – RM 400	79	25.3%
RM 400- RM 500	35	11.2%
RM 500 ke atas	32	10.3%
<b>Jumlah</b>	<b>312</b>	<b>100%</b>

Sumber: Kajian lapangan (2024)

Dari aspek perbelanjaan pelajar, terdapat sembilan kategori yang telah diklafikasikan antaranya seperti makanan, bil utiliti (bil air dan elektrik), alat tulis dan buku, penginapan, yuran pengajian, pengangkutan, hiburan, pembelian kosmetik dan lain-lain. Pemilihan sembilan kategori ini adalah berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Nisha (2017), Yasmin dan Anuar (2017) dan Noraihan et al. (2013) yang menunjukkan kategori ini sering menjadi keutamaan pelajar di universiti. Penemuan kajian menunjukkan bahawa kategori paling tinggi adalah penginapan iaitu seramai 60 responden (19.2%) (Rujuk Jadual 9). Seterusnya diikuti oleh makanan seramai 54 responden (17.3%), pengangkutan seramai 47 responden (15.1%), bil utiliti (bil air dan elektrik) seramai 46 responden (14.7%) dan diikuti dengan yuran pengajian iaitu seramai 35 responden (11.2%). Seterusnya, alat tulis dan buku pula menunjukkan 28 responden (9%) dan hiburan seramai 16 responden (5.1%). Akhir sekali, pembelian kosmetik sebanyak 14 responden (4.5%) dan lain-lain sebanyak 12 responden (3.8%). Responden paling tinggi iaitu penginapan. Hal ini dapat dilihat bahawa pelajar lebih cenderung mendahulukan perkara yang paling penting seperti tempat tinggal dari perkara-perkara lain. Sebagai tambahan, ada juga isu berkaitan dengan kekurangan kolej kediaman dimana pelajar terpaksa mencari alternatif tinggal di luar kolej.

**Jadual 9:** Bentuk perbelanjaan pelajar

<b>Bentuk Perbelanjaan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Makanan	54	17.3%
Bil utiliti (Bil air dan elektrik)	46	14.7%
Alat tulis dan buku	28	9.0%
Penginapan	60	19.2%
Yuran Pengajian	35	11.2%
Pengangkutan	47	15.1%
Hiburan	16	5.1%
Pembelian Kosmetik	14	4.5%
Lain-lain	12	3.8%
<b>Jumlah</b>	<b>312</b>	<b>100%</b>

**Sumber:** Kajian lapangan (2024)

Seterusnya, Jadual 10 menunjukkan taburan mengikut jenis kediaman responden. Penemuan kajian mendapati bahawa majoriti responden tinggal di kolej kediaman iaitu seramai 165 orang (52.9%) manakala pelajar yang tinggal di kediaman luar kampus seramai 147 orang (47.1%) (Jadual 10). Perbezaan yang dicatatkan antara pelajar yang tinggal di kolej dan tinggal di kediaman luar kampus adalah seramai 18 orang (5.1%). Perbezaan ini disebabkan oleh tiada sebarang ketetapan yang dibuat dalam proses pengumpulan data yang bersifat bebas. Kebanyakan pelajar masih memilih untuk tinggal di kolej kediaman disebabkan banyak kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti tanpa perlu membayar sewa atau bil-bil tertentu. Hal ini menjadikannya lebih mudah untuk pelajar hanya untuk menyediakan makanan seharian serta mengakses kemudahan akademik dan sosial. Keadaan ini ada dinyatakan dalam kajian Salbiah et al. (2018) yang menyatakan mahasiswa lebih memilih untuk tinggal di kolej kediaman kerana banyak perkara yang boleh berjimat sama ada dari segi tempat tinggal serta pengangkutan. Walau bagaimanapun, peningkatan jumlah kemasukan pelajar setiap tahun juga memberi kesan terhadap ketidakcukupan pelajar untuk tinggal di kolej kediaman. Situasi ini menyebabkan pelajar terpaksa menyewa rumah dan perbelanjaan menjadi besar dan bertambah. Berdasarkan penemuan kajian ini, hampir separuh pelajar adalah menyewa rumah.

**Jadual 10:** Mengikut Kediaman Pelajar

<b>Jenis Kediaman</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Kolej	165	52.9%
Kediaman Luar Kampus	147	47.1%
<b>Jumlah</b>	<b>312</b>	<b>100%</b>

**Sumber:** Kajian lapangan (2024)

## Implikasi Kewangan Terhadap Akademik Mahasiswa

Noraihan et al. (2013) menyatakan pengurusan kewangan adalah amat penting kepada mahasiswa bagi memastikan perkembangan akademik pelajar terjamin. Kegagalan mahasiswa mengawal perbelanjaan menyebabkan mereka menghadapi tekanan yang tinggi sehingga mampu menjejaskan kualiti akademik pelajar (Aisyah dan Wajeeha, 2016). Kajian ini telah mengenal pasti implikasi kewangan terhadap akademik menerusi beberapa situasi seperti jadual 11. Penemuan kajian menunjukkan, secara keseluruhannya tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara implikasi kewangan dengan pencapaian akademik pelajar. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan nilai sisihan piawaian pada aras signifikan ( $P \leq 0.05$ ) (Jadual 11).

Berdasarkan analisis, item 'saya hanya mengambil makanan berat sehari sekali ketika tiada wang' menunjukkan peratusan tertinggi bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu seramai 238 responden menyatakan 'ya'. Walau bagaimanapun, item ini tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar ( $P \leq 0.05$ ). Berdasarkan pernyataan ini menunjukkan pelajar sememangnya amat berjimat dalam pembelian makanan dan lebih memilih untuk makan sekali sehari semata-mata untuk berjimat. Seterusnya, item kedua adalah 'saya meminjam wang daripada kawan-kawan untuk perbelanjaan harian', penemuan kajian menunjukkan seramai 208 pelajar (66.7%) menyatakan 'tidak' terhadap pernyataan ini. Berdasarkan analisis min menunjukkan terdapat tiada perkaitan yang signifikan bagi item ini dengan pencapaian akademik pelajar ( $P \leq 0.05$ ). Berdasarkan situasi ini, pelajar lebih cenderung memilih keluarga untuk meminta bantuan kewangan berbanding kawan-kawan. Tekanan kewangan, sememangnya akan mempengaruhi keinginan pelajar untuk meminjam duit. Mohamad Fazli et al. (2008) ada menyatakan keadaan mendesak dan kelemahan dalam mengurus kewangan akan mencenderungkan pelajar meminjam duit dan meminta duit daripada keluarga untuk kelangsungan harian.

Item ketiga iaitu 'wang memainkan peranan ketika saya mahu menyertai segala program/aktiviti di Universiti'. Berdasarkan pernyataan ini, seramai 168 pelajar (53.8%) menyatakan 'tidak'. Kebiasaannya pelajar akan mengikuti beberapa program atau aktiviti luar yang dianjurkan sama ada pihak universiti atau kursus yang diambil. Keadaan ini memerlukan pelajar mempunyai bajet tambahan untuk menampung belanja makan. Seramai 144 orang pelajar (46.2%) yang menyatakan 'ya' bagi item ini. Justeru, inn bermaksud bajet tambahan juga turut mempengaruhi bajet bulanan pelajar. Dari segi nilai min, tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara item ini dengan perkembangan akademik pelajar ( $P \leq 0.05$ ). Manakala item keempat iaitu 'saya tidak dapat fokus di dalam kelas semasa menghadapi masalah kewangan'. Berdasarkan penemuan kajian menunjukkan seramai 209 pelajar (67.0%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Penemuan ini tidak jauh berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Nor Syahidah dan Norasmah (2017) dan Yasmin dan Anuar (2017) yang turut menunjukkan masalah kewangan akan menjejaskan fokus pelajar terhadap pelajaran. Sememangnya aspek kewangan adalah keutamaan pelajar, hidup berdikari dan menguruskan kewangan sendiri berikutan keluarga jauh menjadi cabaran dan sedikit sebanyak akan memberi impak kepada fokus pelajaran. Walau bagaimanapun, pengurusan kewangan adalah penting bagi pelajar agar ianya tidak menjejaskan fokus terhadap pelajaran.

**Jadual 11:** Implikasi kewangan terhadap akademik pelajar

Implikasi	Ya		Tidak		Min	Sisihan Piawaian
	N	%	N	%		
1. Saya hanya mengambil makanan berat sehari sekali ketika tiada wang.	238	76.3	74	23.7	1.2372	0.4
2. Saya meminjam wang daripada kawan-kawan untuk perbelanjaan harian.	104	33.3	208	66.7	1.6667	0.5
3. Wang memainkan peranan ketika saya mahu menyertai segala program/aktiviti di Universiti.	144	46.2	168	53.8	1.5285	0.5

*continued*

4. Saya tidak dapat fokus di dalam kelas semasa menghadapi masalah kewangan.	209	67.0	103	33.0	1.3301	0.5
5. Saya terpaksa melakukan tugas pada saat akhir disebabkan kerja sambilan.	109	34.9	203	65.1	1.6506	0.5
6. Kekurangan wang menyebabkan saya malas untuk ke kelas.	171	54.8	141	45.2	1.4519	0.5

\*N = Jumlah kekerapan

\*% = Peratus

**Sumber:** Kajian lapangan (2024)

Item kelima adalah ‘saya terpaksa melakukan tugas pada saat akhir disebabkan kerja sambilan’. Berdasarkan penemuan kajian ini menunjukkan seramai 203 pelajar (65.1%) menyatakan ‘tidak’ terhadap pernyataan tersebut (Jadual 11). Dari segi nilai min, tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara item ini dengan perkembangan akademik pelajar ( $P \leq 0.05$ ). Keadaan ini menunjukkan pelajar masih boleh seimbangkan antara akademik dengan kerja sambilan yang dilakukan oleh mereka. Hairunnizam dan Siti Aisyah (2020) ada menyatakan, masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar pengajian tinggi akan mencenderungkan mereka untuk kerja sambilan sama ada secara fizikal mahupun dalam talian. Keadaan ini tidak menjadi penghalang jika pelajar sendiri mampu seimbangkan antara akademik. Malah dalam kajian tersebut menunjukkan pelajar lebih bermotivasi dan berusaha lebih dalam akademik kerana sedar akan kesukaran yang dihadapi. Justeru, masalah kewangan ini juga mampu memotivasikan pelajar untuk berjaya dalam akademik dan belajar bersungguh-sungguh. Manakala item keenam iaitu ‘kekurangan wang menyebabkan saya malas untuk ke kelas’. Penemuan kajian menunjukkan seramai 171 pelajar (54.8%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min bagi item ini menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara item ini dengan perkembangan akademik pelajar ( $P \leq 0.05$ ). Situasi ini menunjukkan masalah kewangan juga memberi impak terhadap motivasi pelajar untuk belajar. Wiiliam (2001) menyatakan, masalah kewangan yang dihadapi juga boleh menjejaskan akademik pelajar. Nisha dan Norziah (2017) menyatakan sebanyak 45 peratus pelajar IPT cenderung menghabiskan duit sebelum semester tamat tanpa menghiraukan keperluan untuk menyimpan duit. Oleh itu, keadaan ini menunjukkan menjadi satu keperluan mahasiswa IPT untuk mempelajari tentang literasi kewangan agar mereka mempunyai pendedahan awal cara pengurusan kewangan sepanjang pengajian mereka.

## KESIMPULAN

Penemuan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan mahasiswa di Fakulti Sains Kemanusiaan menghadapi kos sara hidup yang mencabar dengan bergantung pada pinjaman pendidikan serta bentuk perbelanjaan yang pelbagai menyebabkan mahasiswa perlu bijak mengurus kewangan mereka. Dari aspek impak terhadap akademik, kajian ini menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara implikasi masalah kewangan dengan akademik pelajar. Keadaan ini menunjukkan pelajar mampu mengurus dan menyeimbangi antara masalah kewangan yang dihadapi dengan fokus terhadap akademik. Berdasarkan analisis penemuan kajian menunjukkan pelajar boleh bersifat lebih positif dengan masalah yang dihadapi. Walau bagaimanapun, masalah kewangan masih dianggap sebagai perkara yang penting untuk meneruskan pengajian. Terdapat pelajar yang memilih untuk kerja secara sambilan dan kos lebih besar bagi mereka yang terpaksa menyewa di kawasan luar kampus. Keadaan ini tidak jauh berbeza dengan university awam mahupun swasta yang lain. Oleh itu, menjadi keperluan untuk mahasiswa diberi pendedahkan dengan ilmu literasi kewangan. Ilmu tentang literasi kewangan ini akan mempersiapkan mahasiswa untuk mengurus kewangan lebih baik serta mampu menyeimbangi antara masalah yang dihadapi dengan pencapaian akademik mereka. Beberapa cadangan yang rasional perlu dilakukan oleh pengkaji akan datang iaitu melihat dari aspek keperluan pendidikan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa. Pendidikan literasi kewangan ini dilihat rasional untuk

disediakan oleh pihak universiti bagi membantu mahasiswa menguruskan kewangan bukan sahaja semasa berstatus aktif tetapi juga penting selepas mahasiswa tamat pengajian.

## **RUJUKAN**

- Aisyah, A., R. & Wajeeha, Z. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2): 85-94
- Azahari, R., Sajjah, Y. & Muhammad, S. B. (2018). Tinjauan Ke Atas Pengukuran Literasi Kewangan: Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS). *Journal of Humanities, Language, Culture and Business* (HLCB), 37-45.
- Chua, Y. P. (2011). Kaedah penyelidikan. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Dana, M. R., & Low, K. C. (2020). Pengaruh Literasi Kewangan Terhadap Gelagat Kewangan Pelajar Universiti. Pengaruh Literasi Kewangan Terhadap Gelagat Kewangan Pelajar Universiti, 520-9528.
- Hairunnizam Wahid & Siti Aisyah Zahari. (2020). Literasi Kewangan Dan Kesannya Terhadap Gelagat Perbelanjaan Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(1): 27-43
- Huriyatul Akmal & Yogi Eka Saputra. (2016). Analisis Tingkat Literasi Keuangan. *Jebi Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*. 1(2).
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychology measurement*, 30(3). 607-610.
- Miskan, N. H., & Fisol, I. I. M. (2021). Pengurusan Stres Dalam Kalangan Pelajar Kajian Kes: Kolej Universiti Islam Melaka (Kuim). *Journal of Business Innovation*, 5 (1), 33.
- Mod Asri, N., Abu Bakar, N., Laili, I., & Saad, S. (2020). Status Kewangan dan Tekanan dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 29, 63-83
- Mohamad Fazli, S., MacDonald, M., Jariah, M., Laily, P., Tahira, K. H. & Mohd Amin, O. (2008). Financial Behavior and Problems among College Students in Malaysia: Research and Education Implication. *Consumer Interests Annual Volume* 54, 166-170.
- Nur Lailatul Azizah. (2017). Pengaruh Kerja Part-Time Terhadap Prestasi Akademik dan Non Akademik Mahasiswa.
- Noraznida Husin, (2021), Status Kewangan Kewangan dan Tekanan dalam Kalangan Pelajar, *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (IcoMM 2021)*, e-ISSN: 2756-8938: 408-415.
- Noraini, I. (2010). Penyelidikan dalam pendidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Nor Syahidah, N. & Norasmah, O. (2017). Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan Dengan Tahap Literasi Kewangan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* (GBSE), 183-193.
- Nor Mohd Syamsi Abd Malek, Noor Rahimi Idris dan Zamrizal Zakaria. (2024). Indeks Kos Sara Hidup Pelajar Kolej Komuniti Kuantan selepas Era Pandemik Covid-19. *Technical and Vocational Education Internasional Journal* (TAVEIJ) 4(1). DOI: <https://doi.org/10.55642/taveij.v4i1.624>
- Norlaila, A.B., Norain, M.A., Iman, A. L., & Suhaila, S. (2019). Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2): 113-120.
- Nisha, F. K. A. & Norziah, O. (2017). Tingkah Laku Mahasiswa dalam Menguruskan Wang Pembiayaan Pendidikan. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah*, (pp. 601-609). Selangor.

- AAN, R. ., AR, S. ., AJ, K. ., R, C. ., & MI, . Z. . (2009). Stress and Coping Strategies among Management and Science University Students: A Qualitative Study. *IIUM Medical Journal Malaysia*, 8(2). <https://doi.org/10.31436/imjm.v8i2.751>
- Rozita Baba, Nur Zafirah Muhammad Nor, Juwairiah Hassan. (2022). Tahap Literasi Kewangan, Masalah Kewangan dan Tekanan dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal 'Ulwan* 7(2) 173-190. ISSN: 2504-8511
- Salbiah, N. S. A., Suzana, A. R., Suhailah, I., Nurulhayah, M. & Maryam, M. E. (2018). Amalan Pengurusan Kewangan Mahasiswa. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 9-23.
- Siti Alida John Abdullah dan Halimah@ Nasibah Ahmad. (2007). Kewangan dan Pelajar IPT. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. ISBN: 9676119288
- Yasmin, H. & Anuar, A. (2017). Tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa. Conference: International Conference on Global Education V “Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity (pp. 2373-2387). Padang: Universitas Ekasakti, Padang.